

TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

Tokoh: YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin b. Dollah
Jawatan: Timbalan Rektor Akademik (2004 - 2007)
Timbalan Naib Cancellor, HEP & Alumni (2007 - kini)
Tarikh temuramah: 13 Ogos 2007
Penemuramah: Harianti Husain (Pustakawan)
Marhaniza Abdul Halim (Pustakawan Kanan)

.....

Soalan: Sebagai Profesor yang pertama dilantik di USIM dan sekaligus sebagai Dekan pertama FDPI, boleh Dato' kongsi pengalaman sewaktu menyandang jawatan tersebut?

Dato': Untuk memantapkan program akademik, ya selain daripada satu program yang kita ada tadi program sarjana muda dakwah dan Sains Islam. Saya diminta oleh Dato'...pada waktu itu sekarang Naib Cancellor untuk memikirkan program-program baru yang sesuai dengan fakulti dakwah dan pengurusan. Jadi yang kami fikirkan pada waktu itu ialah program seperti komunikasi dan juga program kaunseling kerana bagi saya komunikasi dan kaunseling itu ialah program yang boleh kita gunakan sebagai alat untuk berdakwah. Jadi selepas itu barulah kita jadikan ia sebagai satu program yang tersendiri, lahirnya Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian dan lahirnya Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian dan ini disusuli oleh lantikan apa ni tenaga-tenaga pengajar yang sesuai untuk memimpin program berkenaan seperti kemasukan Prof. Dr.

Naim dari UPM untuk Program Komunikasi kemudian Program Kaunseling diketuai oleh pada waktu itu Prof. Datin Dr. Mizan daripada UPM juga. Jadi mereka inilah yang membantu saya untuk apa ni menggerakkan program komunikasi dan juga kaunseling pada peringkat mula. Kemudian mulai daripada itulah kita mulalah mencari tenaga pengajar yang sesuai dengan tiga-tiga program itu. Tetapi, dari segi pemilihan kita mensyaratkan supaya pertama kalau program dakwah dan pengurusan itu kita nak tenaga pengajar yang memang mahir dalam bidang dakwah. Dakwah dan pengurusan Islam. Makna kalau dakwah tu kita nak mereka mempunyai Bahasa Arab selain daripada Bahasa Inggeris itu satu kelebihan. Dan bagi program komunikasi and juga kaunseling mereka hendaklah mahir dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab sebagai kelebihan lah kalau mereka ada dan mahir dalam bidang mereka mahir dalam komunikasi, mahir dalam kaunseling dan mahir dalam dakwah. Jadi kalau ciri-ciri itu cukup, dan bahasanya sama ada Bahasa Arab atau Inggeris mereka kuasai so kita boleh apa ni lantik sebagai tenaga akademik. Kemudian cara berfikir dan juga mereka yang ada wawasan yang ingin membangunkan program pada waktu itu kerana pada peringkat permulaan kita perlukan orang-orang yang sanggup bekerja tanpa mengira apa ni masa dan juga tenaga dan Alhamdulillah saya dapati pada peringkat mula sampai sekarang pun saya perhatikan tenaga akademik kita memang orang-orang yang apa komited, dan sanggup bekerja lebih tanpa mengira apa-apa ganjaran daripada pihak universiti.

Soalan:

Mengapa nama Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam diubah kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan?

Dato':

Pada peringkat mula tu nama fakulti dia macam nama sama dengan nama program. Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam dan program kita pun sama juga iaitu Sarjana Muda Awam dan Pengurusan Islam. Jadi makna sama nama antara fakulti dan nama program Sarjana Muda. Tak silap saya ada satu mesyuarat dari lembaga pengarah universiti yang membincangkan tentang cadangan nama itu. Selepas itu saya dimaklumkan oleh urusetia kepada lembaga pengarah universiti. Idea tu saya dimaklumkan ialah keluar daripada Tan Sri Pengurus LPU Tan Sri Dr. Yusof Nor minta supaya kita fikirkan nama baru kepada nama Fakulti Dakwah. Mungkin kita perlukan satu nama yang lebih apa lebih menggambarkan fakulti dan juga program-program baru yang akan ditawarkan oleh fakulti. Jadi selepas itu kami berbincang dan akhirnya menemukan satu nama yang menggabungkan di antara kepimpinan dan pengurusan. Jadi lahirnya Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan yang mana bagi kami pada waktu itu dakwah atau pun seseorang yang akan melibatkan dalam kerja-kerja berdakwah dia mesti ada unsur kepimpinan dan juga pengurusan kerana seseorang pendakwah itu, dia mesti boleh memimpin dan juga mengurus. Kalau dia pendakwah yang tidak boleh memimpin dan tidak boleh mengurus makna dia bukan pendakwah yang baik. Kemudian program komunikasi begitu juga, makna kalau kita boleh berkomunikasi dengan baik, sama ada komunikasi dengan tulisan, dengan filem, dengan apa ni apa-apa bentuk komunikasi yang kita jadikan sebagai satu program akademik, maka dia juga adalah pendakwah yang baik. Menggunakan komunikasi

untuk kerja-kerja dakwah. Sama juga dengan kaunseling. Kerana kaunseling itu satu apa ni bidang yang boleh membantu memberi penasihat, memberi bimbingan kepada sesiapa sahaja. Jadi kalau mereka mempunyai kemahiran kaunseling, kemahiran menasihat, kemahiran membimbing, kemahiran apa ni memberi tunjuk ajar dan sebagainya kepada "client", maka mereka adalah pendakwah yang baik. Jadi sebab itu, nama Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan itu dipilih sebagai satu nama baru fakulti yang menggambarkan matlamat kepada penubuhan fakulti dakwah yang asal itu tak ter apa ni terkeluarlah makna walaupun kita nama baru Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan tetapi matlamat untuk melahirkan pendakwah-pendakwah yang prolifik, pendakwah yang apa ni sesuai dengan semua zaman itu terus dapat dipertahankan.

Soalan:

Adakah pihak universiti merasakan nama fakulti yang lama akan memberikan kesan terhadap pasaran kerja, justeru memerlukan suntikan nama yang baru?

Dato':

Penjenamaan semula pada waktu itu, kita harap supaya siswazah yang lahir daripada fakulti betul-betul yang boleh apa ni tadi lah boleh menjadi siswazah yang keluar kepada masyarakat memberi sumbangan kepada masyarakat untuk mengembangkan Islam lagi untuk memantapkan pengurusan Islam untuk memantapkan kepimpinan masyarakat Islam. Jadi dengan adanya nama baru mereka lebih confident, mereka lebih yakin kerana mereka keluar dari satu fakulti yang ada kursus-kursus yang bersifat kepimpinan dan kursus-kursus yang bersifat pengurusan. Jadi dalam pengurusan Islam di negara ini, kalau kita ada

apa sifat-sifat kepimpinan, atau pun kemahiran kepimpinan, kemahiran pengurusan, maka saya fikir program-program keislaman dalam negara kita Malaysia akan dapat kita pertingkatkan lagi kalau zaman dulu orang kata, program keislaman itu tidak diurus secara baik. Tidak dipimpin oleh orang-orang yang yang apa yang mempunyai daya kepimpinan tinggi. Jadi, Insya Allah dengan harapan memberi satu apa nama baru kepada fakulti itu siswazah kita akan lebih yakin, dia akan lebih confident, dia akan mempunyai apa kemahiran yang sesuai untuk memimpin umat Islam, untuk mengurus umat Islam supaya Islam di Malaysia itu lebih terjamin lagi. So, bila Islam terjamin, negara kita Malaysia pun lebih maju lagi, lebih terjamin lagi.

Soalan:

Apakah pembaharuan yang sedang dan akan dibuat oleh universiti untuk mempertingkatkan kualiti, baik dari segi akademik, penyelidikan, dan pengantarabangsaan?

Dato':

Bila saya lapor diri 1 Jun itu, saya terus menjadi tenaga pengajarah, memberi kursus di fakulti. Kursus pertama yang saya bagi pada waktu itu ialah rasanya Kajian Etnik dan Budaya Malaysia. Kemudian selepas itu saya terus membuat persiapan untuk apa ini untuk menggerakkan lagi fakulti kerana waktu itu fakulti dah ada, pelajaranya sudah ada, tapi tidak ada dekan dan tidak ada apa ini kepimpinan yang khusus. Sama sebab fakulti yang kita lihat sekarang tenaga pengajar dia diletakkan di bawah rektor pada waktu itu dan dibantu oleh dekan-dekan yang ada Tuan Haji Alwi dan Allahyarham Sheikh Salim tak silap saya. Jadi di samping saya mengajar dan juga merangka beberapa program untuk menjadikan fakulti itu sebagai sebuah fakulti yang sesuai yang dapat apa ini melaksanakan program-

program yang sedia ada dan juga merancang program-program baru di samping memikirkan penambahan tenaga pengajar kemudian memberi galakan kepada pelajar fakulti pada waktu itu untuk membuat program-program pelajar, pemantapan jati diri mereka, kemudian saya juga menggalakkan pensyarah-pensyarah terlibat dalam penulisan waktu tu kami gerakkan buku yang bersifat kompilasi tak silap saya pada waktu itu kita nak jadikan budaya penulisan pada waktu itu sebagai satu budaya yang hidup di fakulti. Jadi untuk permulaan, kami pelawa pensyarah-pensyarah di KUIM pada waktu itu dari Syariah, dari Quran Sunnah, dari Bahasa Arab, Bahasa Inggeris di 'contribute' kepada menyumbang kepada buku kompilasi itu. Walaupun pada permulaan untuk pengesahan jawatan pensyarah, tetapi lama-lama budaya itu jadi satu budaya yang diamal terus sehingga kini dan sampai sekarang saya perhatikan budaya itu dah mantap dan hasilnya banyak buku-buku yang fakulti kepimpinan dan pengurusan terbitkan hasil daripada sikap positif pensyarah fakulti yang ingin menerbit walaupun pada mulanya untuk tujuan pengesahan jawatan tapi lama-lama jadi satu culture yang baik untuk pensyarah. Research juga diterapkan supaya mereka terus terlibat dengan aktiviti pendidikan tidak hanya kepada proses pengajaran dalam bilik-bilik kuliah.

Soalan: Apakah cabaran-cabaran yang Dato' lalui sepanjang bertugas di awal penubuhan fakulti?

Dato': Cabaran saya rasa cabaran ada tapi kita boleh atasi kerana komitmen semua pihak pada waktu itu, tenaga pengajar, kakitangan pentadbiran dan sokongan kemudian pihak universiti pada waktu itu semuanya bekerja dalam

satu pasukan. Jadi apa pun cabaran kita dapat hadapi secara bersama. Cabaran yang besar pada saya ialah untuk mendapatkan tenaga akademik yang sesuai terutama kita di USIM ini kita mencari tenaga akademik yang kalau boleh mampu menguasai dua bahasa selain Bahasa Melayu selain daripada mantap dalam bidang kepakaran masing-masing, mereka mantap dalam dua bahasa. Itu cabaran yang sangat sukar untuk apa ini kita tempuhi. Yang kedua waktu itu cabaran kerana kita berada di kawasan perniagaan Kuala Lumpur untuk kawal apa ni pelajar dari segi keselamatan mereka, penglibatan mereka dengan aktiviti-aktiviti yang non-academic itu adalah satu cabaran kerana di bawah KUIIM pada waktu itu kita ada shopping kompleks, ada berbagai-bagai peluang apa ni yang kalau pelajar kita tidak kawal diri mereka dan kita tidak kawal pelajar kita, macam-macam boleh berlaku. Itu cabaran kemudian apa ni cabaran kemudahan fizikal dengan apa ini kemudahan yang sangat terhad pada waktu itu bilik kuliahnya kemudian tutorial dan juga penginapan, pengangkutan jadi semua cabaran itu memerlukan kita sabar dan perlu kepada semangat apa ni saling bantu-membantu tapi Alhamdulillah semua pihak pada waktu itu kita bersatu untuk menyelesaikan semua masalah yang ada.

Soalan: Apakah idea Dato' ke atas universiti yang telah berjaya direalisasikan agar dapat dapat dikongsikan bersama?

Dato': Mungkin saya tak dapat nak tonjolkan idea macam mana satu persatu yang sebab saya tak boleh claim apa yang ada di fakulti dan apa yang ada di universiti ini tak boleh nak dakwa sebagai idea saya dan sebab kita bekerja

dalam satu pasukan jadi nanti kalau saya dakwa itu idea saya itu tidak sesuai. Tapi saya gembira kerana apa yang ada di universiti sekarang ini adalah hasil perkembangan dan pemikiran semua saya fikir mana katakan fakulti kepimpinan dan pengurusan sekarang sudah mantap dengan tiga program saya fikir itu satu perkembangan baik dan ditambah lagi dengan adanya program diploma siswazah, SPADA dan itu walaupun kita nampak dia di luar daripada perancangan asal tapi dia boleh membantu fakulti untuk apa ini maju dan memberi sumbangan kepada negara terutama sekali dalam bidang yang sangat diperlukan oleh kerajaan kerana dia sebenarnya secara tidak langsung membantu negara untuk apa mengurangkan tekanan atau pun apa melatih pakar-pakar untuk membuat memberi pemulihan kepada mereka yang terlibat dengan dadah. Jadi itu juga sebahagian daripada kerja-kerja dakwah kalau kita boleh tafsirkan dakwah tu dalam bentuk yang lebih apa lebih luaskan. Jadi, saya rasa apa yang ada di USIM dan di fakulti FKP sekarang khususnya satu perkembangan yang sangat memuaskan daripada bilangan, dari segi bilangan, dari segi kemudahan fizikal, dari segi kemudahan apa perkembangan tenaga akademik, jumlah pelajar semuanya saya rasa sudah berkembang dengan cukup baik. Cuma kalau boleh mungkin semangat kerja berpasukan itu sama ada di kalangan tenaga akademik, di kalangan apa pentadbiran dan kelab pelajar sendiri boleh bersatu dan memikirkan langkah-langkah yang terbaik untuk membangunkan lagi fakulti dan universiti.

Soalan:

Maksud Dato' semua kakitangan bersatu dalam memajukan universiti ini?

Dato':

Itulah macam yang saya katakan tadi itu semua adalah hasil daripada pemikiran bersama maknanya kita ada satu semangat untuk sama-sama majukan universiti makna bukan hanya untuk kumpulan akademik tapi juga untuk kumpulan lain kerana kalau kumpulan akademik sahaja kita bangunkan, kita lupakan kumpulan pentadbiran, tak jadi sebab universiti itu diterajui, dipimpin, diurus oleh gabungan di antara akademik dan juga kakitangan pentadbiran. Jadi kalau kita nak bangunkan mereka, kita bangunkan kedua-duanya sekali. Pelajar juga kerana pelajar pun kita tak boleh nak abaikan kebajikan mereka, pembangunan apa ni pelajar kan kerana pelajar juga satu daripada komponen yang penting dalam universiti. Jadi saya rasa itu semua adalah hasil kerja kita bersama sebenarnya. Apa yang dapat kita saksikan sekarang ini di USIM adalah hasil kerja kita bersama. Kita tak boleh saya sendiri, secara peribadi saya tak boleh nak dakwa itu adalah hasil daripada sumbangan saya kerana sumbangan saya sangat kecil kalau banding dengan orang lain.

Soalan:

Adakah pengalaman Dato' sebagai ahli akademik sebelum ini banyak membantu Dato' dalam mengurus dan mentadbir universiti sebagai Timbalan Rektor Akademik?

Dato':

Ya, ok terima kasih. Dari segi pengalaman masa di akademik tu memang adalah sedikit sebanyak kerana hampir tiga tahun saya berada dalam apa bahagian akademik, jadi Timbalan Rektor pada waktu itu, bermula dengan Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan, kemudian tukar kepada Timbalan Rektor Akademik dan Antarabangsa. Jadi pada waktu itu saya mengambil alih

daripada Professor Dato' Dr. Abdullah Zain dan pada peringkat mula itu untuk menggerakkan pendidikan saya rasa yang agak sukar kerana saya masih ingat lagi kementerian pada peringkat saya pada permulaan itu memberi peruntukan untuk pendidikan itu pertama sebanyak pertama 500,000 dan ditambah lagi 75,000 jadi hampir 1.2 million diberi oleh kementerian untuk kita menjalankan pendidikan pada waktu itu dan sampai beberapa ketika kita sentiasa mempunyai peruntukan kewangan untuk pendidikan tapi tidak ada bukan tidak ada tapi kurang bilangan daripada pensyarah yang apa mengambil kemudahan daripada bukan kerana tidak ada keinginan pensyarah tapi bilangan pensyarah waktu tu sangat kecil. Jadi kita diberi kemudahan yang sangat besar oleh kementerian untuk melaksanakan pendidikan tapi bilangan pensyarah yang kecil. Jadi untuk menggerakkan itulah yang kami lakukan secara bersama juga meliputi berbagai-bagai cara untuk bagaimana projek pendidikan itu dapat dilaksanakan, dipergiatkan lagi. Kemudian begitu juga dengan penerbitan, susah dulu nak menggalakkan pensyarah menerbitkan buku kerana kita pensyarah kita baru-baru, muda-muda jadi tidak ada confident untuk menerbitkan buku secara perseorangan. Jadi kita galakkan buat secara kumpulan dan akhirnya sekarang ni dah berkembang. Kemudian dengan program-program baru, kerana kita waktu itu tak banyak program baru jadi kami terpaksa bersamalah memikirkan apakah program-program baru yang perlu kembangkan lagi di KUIM pada waktu itu di samping program-program yang memang diberi oleh kementerian secara apa ni secara turun daripada atas ke bawah la macam program perubatan, program pergigian itu program-program yang saya sendiri tidak merancang

untuk itu tetapi program itu datang daripada kerajaan untuk KUIIM laksanakan dan ini kepercayaan daripada kerajaan sebenarnya walaupun waktu itu kita menyewa bangunan kita tidak ada kemudahan dari segi apa ni infrastructure untuk melaksanakan proses pengajaran dan juga makmal tidak ada tapi dengan wawasan yang kita ada, dengan matlamat penubuhan universiti yang kita ada itu kerajaan percaya kita boleh buat dan untuk memberi tempat dan juga masa depan yang baik kepada orang-orang apa Islam di Malaysia ya untuk mendapatkan pengajian tinggi. Jadi saya rasa masa di akademik tu satu masa yang apa walaupun pendek ya tiga tahun tetapi cabaran dia berat kerana program akademik itu ialah program yang boleh menentukan arah universiti kita akan ke mana kerana tanpa program akademik universiti tidak akan ke mana. Pelajar akan ada jika ada program akademik. Jadi itulah saya fikir program apa cabaran yang sangat beratlah untuk kita laksanakan pada waktu itu. Bermula dengan tiga program sarjana muda dan tahun lepas kita dah ada berapa berapa tujuh belas program sarjana muda yang berkembang makna setiap tahun akan ada sahaja program-program baru yang diperkenalkan sama ada yang diberi oleh kementerian atau pun yang kita rancang bersama di KUIIM pada waktu itu. Jadi cabarannya untuk menyesuaikan wawasan dan juga misi universiti untuk dikembangkan dalam program akademik. Itu satu tugas, tapi tugas bersamalah dari segi pengurusan dan semua pihak yang ada di universiti. Dia bukan kerja seorang, bukan kerja individu.

Soalan:

Bilakah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) ditubuhkan dan apakah fungsi yang dimainkannya?

Dato':

PPP ni sebenarnya ada di semua universiti. Jadi sebelum saya masuk KUIM pun di UKM dinamakan Pusat Pengurusan Pendidikan jadi untuk KUIM pada waktu itu KUIM kita gabungkan di antara penyelidikan dan persidangan jadi itu yang jadi empat P, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan. Itu untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang ada hubungan dengan penyelidikan dan persidangan. Makna kalau tidak ada pusat itu agak sukar kerana kita nak menggalakkan penglibatan pensyarah dalam penyelidikan dan juga persidangan. Jadi pusat itu sebagai sekretariat lah. Dia sebagai urus setia yang menghubungkan di antara pensyarah dengan pengurusan universiti. Jadi permohonan untuk hadir persidangan, permohonan untuk mengadakan persidangan, apa saja yang berkaitan dengan persidangan diuruskan oleh pusat itu. Begitu juga dengan penyelidikan. Permohonan untuk menjalankan penyelidikan, kemudian laporan perkembangan penyelidikan, laporan tentang apa ni hasil penyelidikan semuanya diuruskan oleh pusat itu. Jadi dia sebagai satu pusat urus setia atau sekretariat yang memantau permulaan aktiviti sama ada penyelidikan atau persidangan sampai tamat. Jadi semua urusan-urusan itu dilaksanakan di peringkat itu kerana di fakulti kita tidak ada jabatan atau pun staf yang boleh menguruskan tentang aktiviti persidangan dan penyelidikan kecuali ada jawatankuasa. Jawatankuasa dia tidak ada apa-apa kuasa dari segi kewangan atau menguruskan dan sebagainya. Jadi pusat itulah menyelaraskan semua aktiviti yang melibatkan semua fakulti. Dan sampai sekarang saya tengok Alhamdulillah ia dah berjalan dengan baik. Jadi urusan persidangan dilakukan dengan secara baik sama

ada untuk mengadakan persidangan oleh fakulti-fakulti di universiti atau pun untuk menghadiri persidangan dalam negara luar negara semua diuruskan oleh pusat itu. Kalau tak ada pusat itu susah, kalau pensyarah nak hadir luar negara misalnya untuk bentang kertas, jadi urusannya untuk mendapatkan kelulusan daripada kementerian, waktu itu kementerian, sekarang mungkin jadi urusan Naib Canselor. Jadi sukar untuk pensyarah mengadakan urusan itu, jadi adanya pusat itu, dia akan membantu pensyarah untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak kementerian, urusan tiket, urusan hotel dan sebagainya semua diuruskan oleh pusat itu. Jadi dia penting.

Soalan: Universiti manakah yang menjadi benchmark USIM dari segi penyelidikan?

Dato': Kita sebab kebanyakan staf daripada USIM ini yang awal tu dia secara kebetulan datang daripada UKM jadi mungkin terbawa-bawa dengan apa yang ada di UKM. Jadi kalau sebut dari segi benchmark tentulah kita melihat universiti di mana kita datang. Jadi saya datang dari UKM jadi saya melihat UKM sebagai satu institusi yang boleh kita jadikan sebagai benchmark dalam aktiviti penyelidikan. Tapi dari segi bilangan projek dan kewibawaan penyelidikan itu kita tak boleh nak samakan sebab UKM mempunyai pensyarah 1,600 orang, KUIIM pada waktu itu tak sampai 100 orang. Jadi tentu dari segi bilangan tu kita tak boleh nak samakan. Tapi sekurang-kurangnya kita bergerak ke arah itu dan walau pun dalam beberapa kali diadakan pameran penyelidikan kita belum pernah memenangi apa-apa anugerah tetapi penyelidikan kita mampu untuk memasuki beberapa pameran cuma kali pertama kalau kita sebut

pameran IPTA, pameran penyelidikan IPTA misalnya, 2001 kita tak masuk. Waktu itu saya ingat lagi Dato' Abdullah kata ok kita tengok dulu apa yang ada dalam pameran penyelidikan itu, tak masuk. Tapi kali ke dua dilakukan pameran IPTA itu kita masuk di PWTC saya ingat waktu itu 2003 sampailah ke 2000 sebab pameran tu diadakan 2000, 2 tahun sekali kan 2003, 2005 kita masuk Dan yang terbaru aa hujung minggu lepas 10 sampai 12 haribulan kita masuk dengan 34 projek penyelidikan Cuma saya tak dapat maklumat lagi berapa projek yang kita dapat pingat emas atau perak atau gangsa jadi mungkin kalau kita tanya selepas ini berapa dapat saya rasa tentu ada yang dapat pingat apa ni emas atau gangsa atau perak daripada 34 yang kita masuk ini saya fikir satu kejayaan besar lah bagi pihak pensyarah-pensyarah kita penyelidik-penyelidik kita makna daripada tahun 2005 kita hanya masuk berapa projek sahaja meningkat sangat mendadak tahun kepada 34 projek malahan kalau kita bandingkan saya tengok dalam buku program aa PECIPTA 2007 ataupun singkatan kata kepada apani pameran, penyelidikan dan persidangan 2007 ye..ada universiti yang masuk 10 ada 18 ada 20 tapi USIM masuk 34 projek ha jadi dari segi bilangan itu kita boleh mengatasi universiti-universiti lain tapi dari segi yang kualiti kita tak dapat nak tengok itu bergantung kepada ni lah kepada penilai lah sebab dia ada panel penilai dia cuma yang mungkin kita kurang lagi ialah dari segi aa pengkomersialan dimana kita belum lagi dapat meng..apa mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan kita untuk di pasarkan di luar universiti dan kita belum ada usaha untuk kita patent kan produk-produk yang terhasil daripada penyelidikan kita so yang itu kita masih lagi belum tercapai dan saya ingin lihat satu hari aa hasil daripada produk

penyelidikan kita boleh dijadikan satu apa bahan yang dapat di jual oleh apa oleh penyelidik-penyelidik satu masa nanti insyaallah.

Soalan:

Dato' masih dalam akademik pengurusan dan penyelidikan, jika masih ada ruang kelemahan apakah aspek yang Dato' rasa perlu diperbaikilah contohnya masa Dato' pegang jawatan Timbalan Rektor Akademik, Penyelidikan dan Pengantarabangsaan.

Dato':

Hmm..rasanya semuanya ok kecuali aa yang aspek tadi lah aspek penyelidikan yang kita perlukan mantapkan lagi dari segi lain nampaknya ok tapi kalau kita lihat satu persatu kalau kita nak nilai aa satu persatu kalau dalam pengajaran dan mm pembelajaran itu yang perlu kita tekankan lagi ialah mm unsure kemahiran insan yang 'soft skill' yang sekarang ditekankan oleh kementerian dan waktu itu kita tak sempat nak beri satu training khusus bagaimana nak proses ataupun elemen soft skill itu kita dapat kita terapkan dalam pengajaran kursus-kursus yang ada di fakulti-fakulti jadi yang itu saya fikir akan diteruskan oleh TNC yang baru ye.. untuk memperkukuhkan lagi elemen soft skill dalam pengajaran dan pembelajaran yang kedua dulu kita tak sempat lagi menubuhkan satu pusat yang dinamakan pusat perkembangan akademik yang boleh melatih secara khusus akademik staf kita dalam 'teaching and learning' so yang itu mungkin aa yang tak sempat saya laksanakan tapi mungkin akan dilaksanakan oleh aa TNC yang baru lah mungkin ye untuk memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran yang dah ada ialah pelaksanaan kursus kaedah pengajaran dan pembelajaran dah bermula ha ini akan berterusan lah akan di mantapkan lagi kemudian

penerbitan aa rasa dah ok dah dah banyak buku-buku dan last year kita dah terbitkan hampir 35 buah judul tak silap saya dalam setahun itu satu pencapaian yang baik aa dari segi program akademik bertambah ye ini berdasarkan keperluan negara kerana program akademik ini tak boleh nak tambah suka-suka kan kita kena ada kajian pasaran ada keperluan negara dimana kalau pasaran kata perlukan program baru kita akan buat kajian pasaran dan kalau negara perlukan kepada satu kepada apa ni program baru kita akan buat kemukakan permohonan so saya rasa untuk akademik aa sesuai lah dengan status yang kita ada sebagai sebuah universiti kita ada semua program cuma kita perlu mantapkan lagi dan kembangkan lagi.

Soalan:

Ok kita masuk ke kampus baru lah so bagaimana pembangunan kampus baru USIM di Nilai ini mampu meningkatkan taraf akademik dan penyelidikan universiti?

Dato':

Penyelidikan ye..aa Alhamdulillah kampus kita dah hampir lengkap lah yeh..fakulti dah ada, bangunan pentadbiran, canselori pun dah ada ye..mm dan stadium pun kita dah ada walaupun dalam bentuk sewa beli semua kita dah ada dan saya rasa ini satu peluang lah untuk kita universiti memantapkan lagi program-program akademik lepas ini mungkin kita boleh fikirkan beberapa program-program baru yang sesuai dengan kemudahan yang kita ada, dulu kita ada alasan kita tak cukup bangunan, kita tak cukup dewan kuliah, kita tak cukup apa ni aa pensyarah sekarang ni kita dah ada kemudahan-kemudahan fizikal yang boleh menampung program-program baru jadi saya fikir lepas ni ada program baru yang dapat kita tawarkan di universiti cuma yang menjadi aa kebimbangan saya sekarang ni

ialah dari segi penginapan pelajar sebenarnya sebab kita lihat walaupun bangunan fakulti ada, pentadbiran ada, bilik-bilik kuliah dah aa mencukupi tapi masalah penginapan ni yang kita miliki sendiri yang itu kita belum ada lagi jadi sebab itu program-program yang ada di universiti aktiviti kampus sekarang ini kalau kita lihat mm tidak begitu aa kalau kita banding dengan universiti lain yang ada penginapan dalam universiti dia lebih meriah bilangan pelajar yang menyertai ramai, kita terpaksa banyak bergantung kepada kemudahan pengangkutan kerana pelajar kita duduk di luar jadi kalau kita buat seminar atau program apa-apa yang melibatkan pelajar dia melibatkan banyak kos pengangkutan kemudian masa pengangkutan kemudian tenaga pengangkutan dan kadang-kadang pelajar akan jadikan ini sebagai satu alasan untuk tidak hadir dan masalah kita dengan pengangkutan pun ada juga kan jadi masanya dan sebagainya jadi itu yang saya fikir menjadi kerisauan saya sekarang ini sebab kita kalau tapi ini tidak menghalang kita untuk aa melakukan aktiviti yang sesuai di universiti maknanya insyaallah kalau saya fikir dalam setahun dua lagi kita akan dapat memiliki asrama atau kolej kediaman yang sedang aa dirancang itu kalau masa itu nanti saya fikir mungkin kita akan lebih makmur lagi lebih meriah lagi aktiviti dan program sekarang dengan kemudahan yang ada kita nampak fakulti ekonomi sedang dibangunkan bangunannya Al-Quran dan Sunnah sedang dibangunkan akan pembangunan fizikalnya jadi aa yang itu nanti akan boleh menambahkan lagi aa keselesaan pelajar boleh memberi ruang lagi untuk kita membuatkan program baru dan aktiviti dikampus nanti akan lebih rancak lagi kemudahan fizikal lebih selesa, pensyarah-pensyarah pun

mempunyai lebih kemudahan untuk mereka mengajar, menerbit dan juga menyelidik, pelajar-pelajar boleh berinteraksi dengan pensyarah secara lebih selesa kerana kemudahan dah baik jadi waktu itu tiada alasan untuk kita tak nak bangunkan universiti, bangunkan program akademiknya, bangunkan program sahsiahnya, bangunkan koleksi buku-buku misalnya bangunan perpustakaan pun sedang dibina dengan rancak jadi saya ingat dalam tempoh 2 atau 3 tahun lagi USIM akan kemudahan yang maksima lah yang cukup segala-galanya, library kita akan siap bangunan HEP akan siap kemudahan pelajar akan siap jadi waktu itu dalam 2 atau 3 tahun kita akan menjadi sebuah universiti yang 'almost complete' semuanya ada.

Soalan: Bilangan pengguna perpustakaan pun rendah sebab student duduk di luarkan, kalau dalam kampus dia still boleh datang malam.

Dato': So itu juga yang menyebabkan kita punya kampus masih lagi dia macam aa tidak aa dia apa aa tidak ceria tidak apa.. tidak rancak aa sebab pelajar dia masih lengang sebab penginapan itu jadi dalam tempoh 2 tahun 3 tahun lagi saya rasa kalau bangunan asrama itu siap nanti penginapan pelajar dalam kampus ha itu akan lebih apa lah lebih 'happening' ye malam pelajar akan datang untuk pergi library, pusat pelajar dan sebagainya dan lebih ini lah

Soalan: Saya rasa itu mungkin salah satu untuk Dato' dalam hal ehwal pelajar dan alumni ni mungkin ada lagi pembaharuan dan rancangan baru yang Dato' untuk jawatan baru ni Hal Ehwal Pelajar dan Alumni?

Dato':

Sekarang ni saya sedang memikirkan itu lah memikirkan masalah penginapan pelajar maknanya kita akan cuba dapatkan penginapan yang sesuai dengan pelajar aa selain daripada menanti pembinaan kolej kediaman yang ada dalam kampus 4 kolej kediaman itu kami juga merancang untuk mendapatkan tempat penginapan yang lebih selesa dan lebih banyak jumlahnya kerana kami jangka universiti akan mengambil aa beberapa aa kumpulan pelajar di akhir tahun ini misalnya saya telah diberitahu oleh pengurusan kita akan menerima kumpulan pelajar Sarjana Muda Pendidikan jadi oleh kerana kita punya kolej kediaman belum lagi siap jadi kami akan memikirkan kolej kediaman yang sesuai lah yang baru yang di sewa di kawasan yang ada disekitar Nilai ni, kemudian kita akan menerima pelajar antarabangsa, kemudian sesi depan kita akan lebih ramai lagi bilangan pelajar baru jadi ini semua memerlukan kepada persiapan awal supaya pelajar kita terjamin dari segi penginapan mereka bila masuk universiti .

Soalan:

Akhir sekali apakah harapan Dato' kepada USIM?

Dato':

Harapan saya kepada USIM ye. Harapan saya, saya nak lihat USIM ni berdiri megah lah bersama apa ni universiti-universiti yang lain di negara kita, 20 buah universiti aa kita menjadi sebuah universiti yang setanding dengan mereka dan kalau boleh kita juga akan dikenali di serata dunia sama ada menerusi program akademik, menerusi aa penyelidikan, menerusi persidangan, menerusi apa saja lah yang boleh menaikkan nama USIM di peringkat antarabangsa, itu dari segi universiti, dari segi pelajar aa harapkan pelajar kita mampu membawa wawasan

universiti dan mampu menjaga nama baik universiti dan mampu menaikkan imej universiti menerusi program akademik yang mereka ikuti dan saya harap sangatlah pelajar USIM ini menjadi.

TAMAT

Copyright © 2014 Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan USIM